

TEORI ETIKA DAN KRITIKAN

Minggu 5, 6 dan 7

Teori Etika Dan Kritikkannya

- Teori Kemoralan Sosial
 - Kecenderungan untuk mengaitkan peraturan masyarakat dengan etika.
 - Pantang larang masyarakat untuk menjaga kerukunan sosial.
 - Peraturan biasanya disebut sebagai tradisi, norma, kebiasaan atau adat dan nilai manusia.
 - Contoh :- Hormat kepada ibu bapa.
 - Piawaian moral dalam masyarakat berfungsi sebagai :-
 - Mengenal pasti situasi-situasi supaya setiap orang menolak sifat yang mementingkan diri sendiri untuk mengukuhkan satu sistem

Sambungan...

kelakuan yang memberi manfaat kepada dirinya dan orang lain.

- Resolusi bg konflik sosial dengan memberi justifikasi yang boleh diterima ramai untuk tindakan dan dasar-dasar yang dapat membezakan antara tuntutan hemat/diri sendiri atau tuntutan moral.
- **Kelemahan teori kemoralan sosial**
- Menyekat kebebasan, hak individu tergugat manakala pengaruh autoriti semakin kukuh.
- Mewujudkan konflik antara beberapa pihak yang berlainan undang-undang.

Sambungan...

- c) Berlaku perubahan terhadap peraturan tradisional berikutan berlaku perubahan situasi baru.
- d) Peraturan masyarakat dicabar oleh individu dalam masyarakat itu sendiri.

Teori Keperibadian Mulia

- Aristotle (1997), keperibadian mulia atau fadhilah dalam bahasa Arab ialah sekumpulan konsep mencakupi keadilan, kemurahan hati, keberanian, kejujuran, kesabaran dan kebijaksanaan yang memainkan peranan penting dalam kehidupan moral.
- Keperibadian mulia ialah kecenderungan untuk sesuatu tujuan.
- Mengikut Aristotle keperibadian mulia tidak dihasilkan dalam diri seseorang individu oleh alam semula jadi, iaitu individu itu tidak dikudratkan atau dilahirkan dengan sifat baik atau jahat.

- Aristotole- cara biasa untuk memperoleh atau memiliki keperibadian mulia adalah menerusi latihan, mengamalkan keperibadian itu hingga menjadi satu kebiasaan, menyenangkan serta menyeronokkan.
- Bersifat sederhana dan mengelak daripada berlebihan atau kurang sangat dalam perasaan dan tindakan.
- Contoh: tidak sombong, tidak megah diri, boleh bertolak ansur, tidak boros, bersederhana, suka menderma, dll.

Teori Teleologikal

1) Utilitarianisme

- Berpegang kepada prinsip bahawa seseorang itu sepatutnya melakukan sesuatu tindakan yang akan menghasilkan kebaikan yang paling banyak kepada setiap orang atau kebahagiaan yang paling banyak kepada sejumlah insan yang paling ramai.
- Quinton (1973)-kebaikan yang sesuatu tindakan @ perlakuan ditentukan oleh natijah daripada tindakan itu sendiri.
- John Stuart Mill – perlakuan itu benar atau baik mengikut kadar atau pertimbangan kebahagiaan yang dimajukan dan dihasilkan oleh perlakuan itu.

Sambungan...

2) Egoisme

- Menegaskan bahawa kriteria dan piawai asas tentang sesuatu(misalnya, tindakan atau peraturan) yang benar, baik, salah, jahat, dan sebagainya.
- Juga dikenali sebagai *consequentialisme*
- Kebaikan atau kejahatan sesuatu ditentukan oleh nilai instrumentalnya.
- Sesuatu tindakan atau peraturan dianggap bermoral jika jumlah kebaikan yang dihasilkan melebihi kajahatan.

Teori Deontologikal

- Prinsip kewajiban
- Eksistensialisme
- Menegaskan bahawa ada pertimbangan dan fakta lain bernilai intrinsik yang menyebabkan sesuatu perlakuan atau peraturan itu patut, baik, benar dan diwajibkan.
- Akibat daripada nilai bukan moral sesuatu perlakuan atau peraturan tidak dititikberatkan, tetapi yang dipentingkan oleh teori deontologi ialah sifat perlakuan atau ciri peraturan itu sendiri.